

| | | | |
|------------|------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Buta halal haram | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 09 Jul 2012 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 324,097 |
| Page No | 33 | Readership | 1,981,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 260 cm ² |
| Journalist | Murni Wan Omar | AdValue | RM 9,566 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 28,697 |



Susunan onar keluarga 69

Buta halal haram

>>Oleh Murni Wan Omar
murni@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Apabila syariat Islam tidak lagi diutamakan sebaliknya hanya mementingkan adat, ia menyebabkan masyarakat sudah tidak tahu yang mana halal atau haram dalam perbuatan kehidupan seharian mereka sehingga terbabit dengan gejala songsang.

Pensyarah di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim berkata, demikian ketika mengulas penangkapan seorang lelaki yang menjalin hubungan dengan adik ipar manakala isterinya pula hamil anak milik lelaki lain.

Menurut beliau, ada sege-
lontir masyarakat kini me-
letakkan adat di depan dan
syariat di belakang sehingga
lupa atau sememangnya ti-
dak mengambil tahu cara ke-
hidupan mereka itu adalah



IMBAS...laporan Harian Metro, Sabtu lalu.

salah baik dari segi moral atau agama.

"Keadaan seperti ini berlaku apabila apa yang ditetapkan dalam syariat Islam sudah tidak diikuti. Adat menjadikan adik ipar seperti keluarga sendiri adalah bercanggah dari hukum Islam dan mempunyai batas.

"Aurat dengan ipar ini adalah sama dengan aurat ajnabi iaitu orang yang boleh mereka kahwini, oleh itu adalah wajib menjaga aurat dan batas supaya tidak membawa kepada perkara yang tidak diinginkan. Adalah haram jika hanya berdua dengan ipar yang lain jantina. Jika anda lelaki dan ipar anda perempuan,

adalah haram memasuki rumahnya jika suaminya tiada," katanya.

Harian Metro kelmarin melaporkan sebuah keluarga songsang apabila seorang lelaki menjalin hubungan sulit dengan adik iparnya manakala isterinya pula sedang mengandung anak luar nikah hasil hubungan dengan lelaki lain dan mereka semua tinggal sebumbung sejak setahun lalu.

Sepasukan anggota penguat kuasa Jabatan Agama Islam Perlis (Jaips) melakukan dua serbuan berasingan di rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di Padang Keria, Kangar, Perlis, berjaya menahan pasangan bagi "Keluarga 69" itu.

Semua mereka akan dihadapkan ke Mahkamah Syariah Kangar, Perlis pada 10 Oktober ini.

Sementara itu, Pakar Motivasi dan Kaunseling, RKH Motivasi & Services, Dr Robiah Kulop Hamzah ketika dihubungi berkata, apabila

hati sudah mati dan tidak ingat pada Allah ia menyebabkan tindakan yang dibuat adalah mengikut logik otak dan bukan lagi logik agama.

"Ada pasangan yang masih tinggal serumah walaupun sudah bercerai dengan menggunakan alasan sayang kepada anak-anak sedangkan ia salah. Ada bekas isteri yang datang berjumpa mendapatkan kaunseling bagi masalah ini bukan disebabkan takut dosa tetapi disebabkan takut mengandung.

"Ini menunjukkan agama mereka kosong. Bila hati sudah mati mereka tidak memikirkan dosa pahala, mereka masing-masing sudah tidak kisah dan berbuat demikian atas dasar persefahaman dan bukan dengan merujuk dengan agama terlebih dulu. Mereka menyelesaikan masalah hidup mereka dengan cara terdesak dan jalan pintas," katanya.